



# BULETIN

JABATAN PERKHIDMATAN  
KOMPUTER NEGERI

APRIL - JUN  
2025





## SESI LIBAT URUS JPKN KE KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

22 Mei 2025 | BILIK MESYUARAT TINGKAT 15, WISMA INNOPRISE

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) telah mengadakan Program Libat Urus bersama Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKTP) Sabah sebagai usaha memperkukuh kerjasama strategik dalam pembangunan sektor pendigitalan negeri.

Turut hadir bersama dalam sesi ini ialah wakil-wakil daripada Agensi-agensi dibawah KKTP, menjadikan sesi ini lebih menyeluruh dan bermakna dari segi perkongsian maklumat serta penyelarasan pelaksanaan dasar ICT di peringkat Agensi masing-masing.





Setinggi-tinggi  
**Tahniyah**  
diucapkan kepada  
**PUTRI IRDAWATY BINTI  
ALI ASHGAR**  
KETUA PENOLONG PENGARAH  
(BAHAGIAN PENGURUSAN & SUMBER MANUSIA)  
di atas pentauliahannya  
**Pegawai Integriti Bertauliah**  
(Certified Integrity Officer - CelO)

Ikhlas daripada  
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

JPKN.SABAH.GOV.MY | Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri | JPKN\_sabah



**JPKN**  
**PERTANDINGAN  
MENCIPTA LOGO  
DAN SLOGAN**

**50** TAHUN  
**JUBLI EMAS**  
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI  
1976 - 2026

**SYARAT PERTANDINGAN**

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan JPKN termasuk Pekerja Sambilan Harian.
2. Semua ciptaan mestilah asli dan tidak diveduk/ditiru/diciplak daripada mana-mana logo tempatan mahupun luar negara.
3. Reka bentuk mestilah baharu dan asli serta mengekalkan warna JPKN dan melambangkan identiti 50 tahun JPKN.
4. Logo dan slogan yang dipilih sebagai pemenang akan digunakan untuk semua aktiviti bersempena Sambutan 50 Tahun (Jubli Emas) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

Tempoh Penyertaan : **18 Mac 2025 - 18 Mei 2025**

**HADIAH UTAMA : RM500**  
**SAGUHATI (3) : RM100**  
**SIJIL PENGHARGAAN**



**JPKN**


**Hebahan  
KRITERIA  
PENILAIAN**

**ANUGERAH-ANUGERAH**  
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI

QR Code

Hebahan ICT  
Siri 4/2025

## MENCEGAH KEBOCORAN MAKLUMAT SULIT DALAM E-MEL



**Jangan Hantar Maklumat Sulit Melalui Emel**

Elakkan membalas e-mel yang meminta maklumat sedemikian. Sentiasalah berjaga-jaga.

**Padamkan E-mel Spam**

Hapuskan e-mel dan pautan yang mencurigakan tanpa membukanya. Emel dan pautan ini boleh menjejaskan komputer anda.

**Enkripsikan Maklumat / Lampiran Yang Sensitif**

Jika anda masih perlu menghantar maklumat sulit melalui e-mel, langkah terbaik adalah dengan mengenkripsi e-mel dan/atau lampiran tersebut.

**Fikir Dua Kali Sebelum Anda Klik Butang "Hantar"**

Baca semula keseluruhan e-mel dan semak sama ada kandungan mesej sesuai untuk setiap penerima yang disenaraikan.


**Tukar kata laluan e-mel anda secara berkala**

Anda mesti menukar kata laluan dengan kerap sekurang-kurangnya setiap 3 bulan. Dan jangan sekali-kali mendedahkan kata laluan kepada rakan atau kenalan anda.

**Jangan Pasang Program Yang Tidak Dibenarkan**

Aplikasi yang berniat jahat sering menyamar sebagai sebuah program yang sah, bertujuan untuk menjangkiti komputer atau rangkaian dengan virus dan sebagainya.

Hebahan Integriti  
Siri 4 / 2025



## PERATURAN 219 LARANGAN PENGLIBATAN PEMINJAMAN WANG

TIADA PEGAWAI BOLEH MEMINJAM DARI MANA-MANA ORANG ATAU MENJADI PENJAMIN KEPADA MANA-MANA PEMINJAM ATAU DENGAN APA-APA CARA MELETAKKAN DIRINYA DIBAWAH SUATU OBLIGASI KEWANGAN KEPADA MANA - MANA ORANG :-

- YANG SECARA LANGSUNG / TIDAK LANGSUNG TERTAKLUK KEPADA KUASA RASMINYA.
- YANG TINGGAL / MEMILIKI TANAH / MENJALANKAN PERNIAGAAN DI DALAM KAWASAN-KAWASAN TEMPATAN YANG DIA MEMPUNYAI KUASA RASMI
- YANG DENGANNYA PEGAWAI ITU ADA ATAU MUNGKIN ADA URUSAN RASMI
- YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG

[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my)


 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
 
 JPKN\_sabah



Hebahan Integriti  
Edisi Khas/2025



## KEBENARAN KELUAR PEJABAT

**TUJUAN**

Menyelesaikan urusan persendirian yang terpaksa dilakukan dalam waktu bekerja.

**SYARAT**

- Tempoh maksimum tidak melebihi 4 jam sehari tidak termasuk waktu rehat. Jika melebihi 4 jam hendaklah mengambil cuti rehat atau cuti yang berkecualan.
- Mendapatkan kebenaran daripada pegawai penyelia

**Sekiranya anda perlu meninggalkan pejabat untuk urusan peribadi sila pastikan :**

Memohon kebenaran pegawai penyelia dengan mengisi **KEBENARAN KELUAR PEJABAT** melalui **SISTEM KELUAR PEJABAT**

Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan anda dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, Peraturan 208.

RUJUKAN : PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.4/2025

[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my)


 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
 
 JPKN\_sabah



21 - 23 APRIL 2025 (3 HARI) : LAWATAN TEKNIKAL ICT TAHUN 2025 WILAYAH PANTAI BARAT UTARA BERSAMA PENGARAH JPKN, ROMBONGAN DARI IBU PEJABAT DAN SABAHNET.

**JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI**  
WILAYAH PANTAI BARAT UTARA

### LAWATAN TEKNIKAL ICT 2025

WILAYAH PANTAI BARAT UTARA

Bersama,  
YBHG PN. ERNYWATI DEWI ABAS (PENGARAH JPKN),  
Rombongan dari ibu pejabat dan Sabahnet



**PEJABAT PERHUTANAN DAERAH KUDAT**  
SABAH MAJU JAYA

**JABATAN PERHUTANAN DAERAH KUDAT**  
21 APRIL 2025 (ISNIN) | 9:40 PAGI

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI WILAYAH PANTAI BARAT UTARA | JPKN WPBU | km.jpkn@sabah.gov.my | 088-662051 | 088-662051

**JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI**  
WILAYAH PANTAI BARAT UTARA

### LAWATAN TEKNIKAL ICT 2025

WILAYAH PANTAI BARAT UTARA

Bersama,  
YBHG PN. ERNYWATI DEWI ABAS (PENGARAH JPKN),  
Rombongan dari ibu pejabat dan Sabahnet



**PEJABAT PERIKANAN PITAS**

**PEJABAT PERIKANAN PITAS**  
22 APRIL 2025 (SELASA) | 9:00 PAGI

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI WILAYAH PANTAI BARAT UTARA | JPKN WPBU | km.jpkn@sabah.gov.my | 088-662051 | 088-662051

**JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI**  
WILAYAH PANTAI BARAT UTARA

### LAWATAN TEKNIKAL ICT 2025

WILAYAH PANTAI BARAT UTARA

Bersama,  
YBHG PN. ERNYWATI DEWI ABAS (PENGARAH JPKN),  
Rombongan dari ibu pejabat dan Sabahnet



**PEJABAT PERTANIAN**  
JABATAN PERTANIAN KOTA MARUDU  
SABAH MAJU JAYA

**MISI**  
Menghasilkan, menyedia dan menyalurkan teknologi serta memberi perkhidmatan-perkhidmatan pertanian berkualiti yang mengutamakan pelanggan dan perkuiliran kepada pengusaha tanaman untuk perkhidmatan pertanian yang berurusan yang saing dan mampan di Negara.

**BILIK GERAKAN**  
**PEJABAT PERTANIAN**  
**KOTA MARUDU**

**JABATAN PERTANIAN KOTA MARUDU**  
23 APRIL 2025 (RABU) | 8:30 PAGI

JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI WILAYAH PANTAI BARAT UTARA | JPKN WPBU | km.jpkn@sabah.gov.my | 088-662051 | 088-662051






*Selamat Menyambut*  
**HARI PEKERJA**

**1 MEI 2025**

**PEKERJA KESUMA BANGSA**

*Iktis Daripada:*  
**Ybhg. Puan Ernywati Dewi Binti Abas**  
Pengaruh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
& Seluruh Warga Kerja Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri JPKN\_sabah



## e-Reporting

### Polis Diraja Malaysia

kemudahan ini disediakan khas untuk membuat laporan Polis bagi kes kehilangan dokumen atau barang-barang yang tidak berkait dengan kesalahan jenayah sahaja

**Pengguna berdaftar: Mestilah warganegara yang berumur 18 tahun dan keatas**

**PERINGATAN**  
Anda dinasihatkan menghubungi Pusat Kawalan Malaysia di talian 03-2266 3333 / 03-2031 9999, 999 atau Balai Polis berhampiran. Bagi kes-kes Kecemasan seperti berikut:

1. Kes yang MEMERLUKAN tindakan segera Polis;
2. Kes yang sedang berlaku;
3. Saspek masih berada di tempat kejadian atau berhampiran;
4. Nyawa seseorang sedang terancam;
5. Kes orang hilang;
6. Bukti fizikal (termasuk darah, cap jari atau apa-apa barang) yang ditinggalkan di tempat kejadian jenayah; atau
7. Sekiranya pihak berkenaan memerlukan pengesahan laporan polis, anda perlu mendapatkan tandatangan pegawai/Ketua Polis Balai di balai berkenaan.



**e-Reporting**  
Ini adalah satu inisiatif Polis Diraja Malaysia untuk memudahkan orang awam membuat report polis secara online melalui Internet. Kemudahan ini disediakan khas untuk membuat laporan polis bagi kes kehilangan dokumen atau barang yang tidak berkait dengan jenayah.

No. Kad Pengenalan Baru  
Katalaun :

[\[Gitar Pengguna\]](#)  
[\[Lupa Kata Laluan\]](#)

<https://ereporting.rmp.gov.my/>

**AMARAN**

- Seksyen 182, Kanun Keseksaan (Akta 574). Memberi maklumat palsu. Membawa hukuman maksimum 6 bulan penjara, atau denda yang boleh sampai dua ribu ringgit (RM2,000.00), atau kedua-duanya sekali.
- Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Menggunakan kemudahan rangkaian untuk menghantar apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi yang palsu. Membawa hukuman maksimum 1 tahun penjara, atau denda yang boleh sampai lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00), atau kedua-duanya sekali dan boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas disabitkan kesalahan.



<https://jpkn.sabah.gov.my>

Pengemaskinian Logo Sirim Jabatan



**Pastikan semua saluran komunikasi rasmi menggunakan logo SIRIM terkini**

- Surat rasmi
- Laman web jabatan
- Tandatangan e-mel rasmi

**Kenapa perlu dikemaskini?**

- Mematuhi piawaian terkini
- Meningkatkan imej korporat
- Elak penggunaan logo yang tidak sah

Dapatkan fail logo rasmi di: <https://bayudrive.sabah.gov.my/s/sirim2025>



## SESI LIBAT URUS JPKN KE KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH



Program Libat Urus JPKN bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah  
6 Mei 2025 | Dewan KPLB Sabah

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) telah mengadakan Program Libat Urus bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah sebagai usaha memperkukuh kerjasama strategik dalam pembangunan sektor pendigitalan negeri. Turut hadir bersama dalam sesi ini ialah para Pegawai Daerah (DO-DO) dari seluruh Sabah, menjadikan sesi ini lebih menyeluruh dan bermakna dari segi perkongsian maklumat serta penyelarasan pelaksanaan dasar ICT di peringkat daerah.

Antara objektif sesi ini termasuklah:

- Penerangan perkhidmatan yang ditawarkan oleh JPKN
- Peranan Chief Digital Officer (CDO) di agensi
- Isu perjawatan skim Sistem Maklumat (F) di kementerian/jabatan
- Mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh Pihak KPLB berkaitan ICT
- Penerangan dasar keselamatan ICT dan pekeliling-pekeliling ICT

Terima kasih kepada pihak KPLB Sabah dan semua wakil pejabat daerah atas kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan. Semoga libat urus ini menjadi pemangkin kepada pelaksanaan inisiatif pendigitalan sektor awam yang lebih menyeluruh dan berimpak tinggi.

[#JPKNSabah](#) [#LibatUrusJPKN](#) [#PendigitalanSektorAwam](#) [#KPLBSabah](#)

Hebahan ICT  
Siri 5 / 2025

## SOCIAL ENGINEERING

*Social Engineering* adalah teknik manipulasi perilaku seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat / hak akses bagi tujuan tertentu dengan cara menipu seseorang secara halus tanpa disedari

**PRETEXTING**  
Pencurian identiti dengan berpura-pura menjadi orang lain untuk mendapatkan maklumat peribadi sama ada melalui telefon atau perjumpaan

**BAITING**  
Pelaku sengaja meninggalkan USB/CD yang mengandungi *malware* di tempat awam dan sesiapa yang mengambil dan mengaksesnya maka tanpa sengaja *malware* terpasang dalam komputernya

**TAILGATING**  
Pencurian identiti disertai dengan akses fizikal. Contohnya dengan mencuri kad akses, pelaku menyelip masuk setelah pengguna yang sah masuk. Tujuannya untuk mencuri maklumat rahsia organisasi

**PHISHING**  
Penghantaran emel palsu dan pautan berbahaya untuk mendapatkan maklumat peribadi seperti ID pengguna, kata laluan dan data sensitif lain

### MENGGODAM PENGGUNA ADALAH LEBIH MUDAH BERBANDING MENGGODAM SESEBUAH SISTEM

## APA PERLU BUAT?

- Tidak mendedahkan maklumat peribadi dalam media sosial
- Jangan membuka atau membalas emel dari sumber yang tidak dipercayai
- Jangan memberi maklumat peribadi/kewangan melalui emel/panggilan telefon yang tidak diketahui
- Elakkan fungsi "remember password" ketika daftar masuk media sosial / perbankan
- Sentiasa *logout* dari komputer apabila tidak digunakan

[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri JPKN\_sabah

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia  
Seksyen Keselamatan, Risiko, Dan Pematuhan ICT  
Bahagian Pengurusan Maklumat

Hebahan Integriti  
Siri 5 / 2025

## SURAT LAYANG, WAJARKAH DI LAYAN?

**SURAT LAYANG** merupakan surat yang ditulis oleh orang yang tidak mahu dikenali, yang tidak diketahui niatnya, yang ingin mendedahkan sesuatu perkara yang difikirkan melanggar undang-undang, peraturan serta adab tatasusila.

**TAHUKAH ANDA?**

Perbuatan menyiarkan suatu tuduhan tidak benar tentang seseorang dengan niat untuk merosakkan reputasi orang yang dibuat tuduhan tersebut merupakan satu kesalahan jenayah.

- Seksyen 499 Kanun Kanun Keseksaan (*Penal Code*)

## E-RAWATAN

Sistem e-Rawatan telah dibangunkan bagi memudahkan pegawai mengakses dan mencetak sendiri Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai tanpa mendapatkan tandatangan Ketua Jabatan

Sistem e-Rawatan boleh diakses melalui pautan <https://eRawatan.sabah.gov.my> dengan menggunakan kata laluan e-Cuti

Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa semua maklumat pegawai di bawah seliaan masing-masing dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2) khususnya perihal butir-butir peribadi pegawai dan keluarga sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa.

Surat pengesahan diri dan pengakuan pegawai adalah selaras dengan format Borang Jadual Keenam Belas seperti dalam PPANS 2008.

Pegawai perlu mencetak dan menurunkan tandatangan pada Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai, serta menyediakan salinan seperti berikut:

- Salinan pertama hendaklah disimpan oleh pegawai sendiri untuk dikemukakan kepada hospital atau klinik berkenaan semasa pendaftaran untuk mendapatkan rawatan.
- Salinan kedua hendaklah diedarkan kepada pejabat/bahagian/unit yang menguruskan gaji pegawai berkenaan untuk memudahkan rujukan dibuat semasa membuat potongan gaji pegawai bagi menjelaskan apa-apa bayaran yang dikenakan oleh hospital atau klinik berkenaan; dan
- Salinan ketiga hendaklah disimpan untuk rekod di pejabat pegawai itu berkhidmat.

Rujukan: salinan surat edaran Bil. JPAN : 700-2/1 (21) bertarikh 11 Julai 2024

## KURSUS ASAS PEROLEHAN, PENGURUSAN ASET & STOR



Kursus Asas Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor yang telah berlangsung pada 6 hingga 7 Mei 2025 di Dewan Serbaguna (MPH), Tingkat 6, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN), bertujuan memberikan pendedahan dan kefahaman asas kepada para peserta berkaitan pengurusan perolehan dan aset dalam sektor awam Negeri Sabah. Objektif utama kursus ini adalah untuk memperkukuh pengetahuan peserta tentang konsep, tatacara, dan garis panduan sah yang berkaitan dengan pengurusan perolehan serta aset kerajaan. Kursus ini juga membantu para juruaudit memahami kepentingan kawalan dalaman dalam pengurusan aset dan perolehan, selain mengenal pasti kesilapan lazim yang sering berlaku dalam pelaksanaan tugas tersebut. Melalui pengisian yang komprehensif, kursus ini turut mempertingkatkan kecekapan dan kemahiran juruaudit dalam melaksanakan audit dalaman, sejajar dengan prinsip tadbir urus yang cekap, telus dan bertanggungjawab.



# SETINGGI-TINGGI

*Tahniah*

Diatas Kenaikan  
Pangkat Sebagai



Pegawai Teknologi Maklumat F9

**AZAWANA BINTI  
AWANG SALLEH**  
Bahagian Pembangunan Aplikasi



Pegawai Teknologi Maklumat F9

**JOSIE MIJOL**  
Ketua Pasukan Inovasi Digital  
Jabatan Bendahari Negeri



Pegawai Teknologi Maklumat F9

**Noor Hidayah binti Ameenuddin**  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Korporat & Kualiti



Penolong Pegawai  
Teknologi Maklumat F7

**DICKY MALANJUN**  
Bahagian Keselamatan Siber



Penolong Pegawai  
Teknologi Maklumat F7

**Faizal Heesyam  
bin Mohd Kassim**  
PID Jabatan Bendahari Negeri



Penolong Pegawai  
Teknologi Maklumat F6

**ANA SURYANI BINTI OSMAN**  
Bahagian Keselamatan Siber



Penolong Pegawai  
Teknologi Maklumat F6

**Asrieannie binti Amad**  
Bahagian Transformasi Digital



Penolong Pegawai  
Teknologi Maklumat F5

**JANE RITA GONDIPON**  
Bahagian Pelaksanaan Strategik ICT

## INFO SHARING - ASUS PRODUCT DEMO & TECHNOLOGY UPDATES

8 Mei 2025 | 📍 Dewan Serbaguna JPKN, Menara Kinabalu

Program info sharing ini telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama Fizrix Systems Sdn Bhd dan ASUS, bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga JPKN bersama CDO dan pegawai-pegawai dibawah kementerian PID masing-masing mengenai:

- ◆ Pengenalan dan gambaran keseluruhan jenama ASUS
- ◆ Perkongsian maklumat berkaitan produk serta teknologi terkini
- ◆ Demonstrasi unit demo secara langsung

Terima kasih kepada semua yang hadir dan memeriahkan sesi ini. Semoga ilmu dan teknologi yang dikongsikan dapat dimanfaatkan dalam tugas harian.





Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Korporat & Kualiti (BKK) telah menyediakan satu video ringkas berkaitan pengenalan dan panduan penggunaan aplikasi-aplikasi Google Workspace yang boleh dimanfaatkan oleh semua warga JPKN dalam tugas harian serta komunikasi digital secara lebih berkesan.

Berikut merupakan pautan video tersebut yang boleh ditonton melalui pelantar media sosial rasmi JPKN:

**YouTube:** <https://youtu.be/sQQgqeIaBTI>

**Facebook:** <https://www.facebook.com/share/v/1FbCdxgraB/>

**TikTok:** <https://vt.tiktok.com/ZSSdCeU9H/>

## LAWATAN STRATEGIK & INOVASI DIGITAL 2025 | FUTURETECH SABAH



26 Jun 2025  
National AI Office Malaysia.

26-28 MEI 2025

### FUTURETECH SABAH 2025

#### Lawatan Strategik & Inovasi Digital

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) Sabah dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) serta Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) telah melaksanakan program FutureTech Sabah: Lawatan Strategik & Inovasi Digital 2025 ke beberapa agensi dan syarikat teknologi utama di Semenanjung Malaysia.



26 Jun 2025  
Time DotCom Berhad

Program ini bertujuan untuk memperkukuh pengetahuan serta membina jaringan strategik dalam bidang seperti:

- Kecerdasan Buatan (AI)
- Keselamatan Siber
- Pengkomputeran Awan
- Transformasi & Inovasi Digital

Antara lokasi lawatan termasuklah National AI Office, TM Digital Academy, MSc Trustgate, Time DotCom Berhad dan Global AI Village. Lawatan ini juga memberi pendedahan langsung kepada pendekatan data-driven, penggunaan teknologi baharu, serta potensi kolaborasi masa depan dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan ICT sektor awam di Sabah.

Program ini diselaras oleh Bahagian Korporat & Kualiti JPKN .



## LAWATAN STRATEGIK & INOVASI FUTURETECH DIGITAL 2025 SABAH

27 Jun 2025  
Msc Trustgate

LAWATAN INOVASI DIGITAL

DAN KUNJUNGAN JABATAN  
PERKHIDMATAN KOMPUTER  
NEGERI SABAH




28 Jun 2025  
TM DIGITAL ACADEMY



## LAWATAN STRATEGIK & INOVASI FUTURETECH DIGITAL 2025 SABAH



28 Jun 2025  
Global AI Village



**ETIKA PEMAKAIAN**  
PENJAWAT AWAM

**Hebahan Kesihatan** SIRI 5/2025

**KHASIAT AIR KELAPA**

- Membantu menurunkan kolestrol
- Membantu membuang toksin melalui air kencing
- Membantu kawal suhu badan
- Membantu mengawal tekanan darah tinggi
- Tinggi kandungan antioksidan
- Membekalkan penghidratan dan elektrolit
- Rendah kalori

[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my) | [f](#) [y](#) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri | [JPKN\\_sabah](#)

**Hebahan Psikologi** SIRI 5/2025

**CIRI-CIRI UTAMA KESELAMATAN PSIKOLOGI**

**HASIL DARI ORGANISASI YANG MEMPUNYAI KESELAMATAN PSIKOLOGI**

- Saling hormat-menghormati
- Terbuka dalam perbincangan
- Raikan perbezaan
- Bebas menyuarakan pendapat
- Kesejahteraan meningkat
- Kolaborasi yang efektif
- Inovasi & kreativiti terhasil
- Kesilapan adalah proses
- Berani mengambil risiko
- Kepercayaan terhadap kumpulan
- Tiada hukuman cuma pembelajaran
- Lebih bersifat berdaya tahan
- Keseronokkan bekerja tinggi

[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my) | [f](#) [y](#) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri | [JPKN\\_sabah](#)

## LAWATAN TEKNIKAL KE GRID & CUTE, JABATAN DIGITAL UMS

### LAWATAN TEKNIKAL KE GRID & CUTE, JABATAN DIGITAL UMS

Tarikh : 11 Jun 2025 (Rabu)

Masa : 9.30 pagi

Tempat : GRID & CUTE, Jabatan Digital UMS

Jumlah peserta : 13 orang

#### KPPs dari JPKN

Ebenezer P Godomon, Timbalan Pengarah II merangkap Ketua Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Siber

Verus Lawrence Ketua Penolong Pengarah Bahagian Infrastruktur Pusat Data

Siani Binti Majangil @ Nancy Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dasar & Pengauditan ICT

Dipengerusikan oleh : Profesor Dr. Ag Asri bin Hj. Ag Ibrahim, AG. ASRI BIN AG. IBRAHIM, Ketua Pegawai Digital Universiti Malaysia Sabah

Tujuan : Meninjau penggunaan teknologi terbaru di Pusat Data Infrastruktur Hijau Tahan Lasak (GRID Centre) UMS dan command center bersepadu (CUTE) selain mendapat input dan pendedahan berkenaan program, penggunaan teknologi dan perancangan jangka Panjang pusat data di UMS





## 8-5 KAWALAN PERISIAN OPERASI

### 8-5-1 INSTALASI PERISIAN PADA SISTEM OPERASI

Memastikan pelaksanaan kawasan ke atas instalasi perisian pada sistem operasi

Hebahkan ICT  
Siri 6 /2025

Sistem operasi hanya boleh memegang "executable code"

Memastikan penggunaan perisian mempunyai lesen sah

Setiap konfigurasi ke atas sistem operasi perlu dikawal dan didokumentasikan melalui prosedur perubahan kawalan konfigurasi. Konfigurasi hanya boleh dilaksanakan selepas mendapat persetujuan dari pihak berkaitan



Pengemaskinian perisian operasi, aplikasi dan program *libraries* hanya boleh dilakukan oleh pentadbir terlatih setelah mendapat kelulusan pengurusan

Instalasi perisian hendaklah mendapat kebenaran daripada Pentadbir Sistem ICT dan ICTSO

Penggunaan aplikasi dalam sistem operasi hanya boleh dilaksanakan selepas ujian yang terperinci dan diperakui berjaya

Satu "rollback" strategi harus diadakan sebelum perubahan dilaksanakan

jpkn.sabah.gov.my
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
JPKN\_sabah




## KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KELOMPOK

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BL.7/2025  
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPANS 2008),  
Bahagian IV (Cuti), Diselaraskan dengan pelaksanaan Sistem Saranan Perkhidmatan Awam (SSPA)

**SYARAT UMUM**

- Maksimum 20 hari setahun kalendar tertakluk kepada baki Cuti Tanpa Rekod Kelompok
- Boleh mengambil mana-mana jenis Cuti Tanpa Rekod Kelompok mengikut syarat yang ditetapkan
- Bilangan hari Cuti Tanpa Rekod (Fleksibel) mengikut keperluan dan tempoh yang ditetapkan
- Termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am
- Tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan

 <b>UMRAH</b>	 <b>MENJAGA AHLI KELUARGA SAKIT</b>	 <b>MENGHADIRI AKTIVITI KOPERASI</b>	 <b>LAWATAN KEBUDAYAAN DI LUAR NEGERI</b>
 <b>URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT</b>	 <b>KEAGAMAAN</b>	 <b>PERTANDINGAN HUSABQAH AL-QURAN</b>	 <b>MENGHADIRI MESYUARAT/BENKEL/SEMBANG/ANDAPAN PIHAK PEKERJA MKK</b>
 <b>ISTERI BERSALIN</b>	 <b>MENGAMBIL PEPERIKSAAN</b>	 <b>JURULATIH PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN)</b>	 <b>HARI MENGUNDI</b>
 <b>HADIR MAHKAMAH LUAR IBU PEJABAT</b>	 <b>PERAYAAN (GOOD FRIDAY, DEEPAVALI DAN HARI RAYA HAJI)</b>	 <b>AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT</b>	 <b>RAWATAN HEMODIALISIS</b>

jpkn.sabah.gov.my
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
JPKN\_sabah



## Sehaling Penghargaan & Terima Kasih

### NURFARAHAIN AZIRA BINTI ABDULLAH

PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F5

atas sumbangan dan khidmat bakti sepanjang

# 12

## TAHUN

bersama JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI  
Terima kasih atas sumbangan, selamat maju jaya di tempat baharu.

Ikhlis daripada  
JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI



## LAWATAN TEKNIKAL ICT KE AGENSI-AGENCI KERAJAAN NEGERI SABAH WILAYAH PEDALAMAN ATAS

Hari Pertama:  
Lawatan Ke Tambunan  
16 Jun 2025 (Isnin)



[16-20 JUN 2025]

Lawatan Teknikal ICT ke Agensi-Agensi Kerajaan Negeri Sabah, Wilayah Pedalaman Atas telah dilaksanakan bagi menilai tahap keupayaan ICT di agensi terlibat serta mengenal pasti cabaran pelaksanaannya.



Lawatan ini turut memberi fokus kepada jurang dan kekurangan dalam infrastruktur ICT, sumber manusia serta pematuhan terhadap dasar dan piawaian teknologi kerajaan. Selain itu, khidmat nasihat dan cadangan penambahbaikan turut dikemukakan bagi meningkatkan kecekapan sistem ICT agensi.



Hari Kedua:  
Lawatan Ke Sook &  
Nabawan  
17 Jun 2025 (Selasa)



Hari Ketiga:  
Lawatan Ke Tenom  
18 Jun 2025 (Rabu)



Inisiatif ini juga memupuk perkongsian ilmu antara agensi yang lebih maju dalam ICT dengan agensi yang memerlukan bimbingan, serta menyokong adaptasi teknologi terkini demi memperkasa penyampaian perkhidmatan di Wilayah Pedalaman Atas.



## LAWATAN DELEGASI KELANTAN ICT GATEWAY KE JPKN



Pada 20 Jun 2025, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah (JPKN) telah menerima lawatan rasmi delegasi Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB) di Bilik Mesyuarat Utama JPKN, Menara Kinabalu. Lawatan ini bertujuan menjalin kerjasama dan perkongsian amalan terbaik dalam pengurusan ICT negeri.

KIGSB, sebagai satu-satunya syarikat ICT yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan, berperanan membangunkan ekosistem digital negeri, menyediakan infrastruktur ICT, melaksanakan projek-projek ICT secara bersepadu, serta menyelaras pelan transformasi digital kerajaan negeri. Perkongsian pengalaman KIGSB dalam mengurus sistem ICT secara korporat memberi penekanan kepada kecekapan operasi, penjimatan kos dan kelestarian infrastruktur, sekali gus membuka ruang kerjasama strategik dengan JPKN pada masa hadapan.





## KEBENARAN TIDAK HADIR KERJA ATAS SEBAB MUSABAB KECEMASAN AM

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008,  
Peraturan 188

**TUJUAN**

- Memberi kebenaran kepada pegawai untuk tidak hadir bekerja atas sebab-sebab kecemasan am.

**KADAR**

- Tempoh berlakunya kecemasan am: Jam/Hari.

**SYARAT**

- Kecemasan am: banjir, tanah runtuh, gempa bumi, jambatan runtuh, malapetaka lain, bencana alam, perintah berkurang dan perintah sekatan am oleh pihak berkuasa.
- Terhalang perjalanan ke pejabat atau ke tempat bekerja biasa.
- Pengesahan kejadian kecemasan am atau perintah tertentu oleh Pegawai Daerah atau Penghulu, Ketua Balai Polis, Pegawai Penerangan Daerah, Pegawai Kebajikan Daerah atau melalui siaran media massa.
- Pegawai kemukakan perakuan kepada Ketua Jabatan.





[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my)
f
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
d JPKN\_sabah

**Hebahan Kesihatan**



### TANDA- TANDA **SERANGAN PANIK ATAU "PANIC ATTACK"**

Pesakit perlu mempunyai 4 simptom daripada tanda-tanda ini.

**SIRI 4/2025**



Takut hilang kawalan diri

Jantung Berdebar

Berpeluh

Pening Kepala

Rasa Tercekik

Rasa Loya

Takut akan mati

Rasa terpisah dari realiti

Kebas tangan

Sesak Nafas



[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my)
f
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
d JPKN\_sabah

**Hebahan Psikologi**



### CARA KEMBALIKAN **SEMANGAT** KERJA ANDA

**SIRI 4/2025**

- Bekerjasama dengan penyelia untuk menetapkan matlamat
- Jangan takut untuk meminta bantuan atau sokongan.

- Ingatkan diri anda mengapa memilih bekerja disitu.
- Cipta ruang kerja yang memberi semangat.
- Menjaga hubungan dengan rakan sekerja.

- Buat senarai yang anda mahu perbaiki.
- Manfaat yang ditawarkan / Self-Reward pada diri.
- Pemakanan Seimbang / Bersukan.






[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my)
f
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
d JPKN\_sabah

## BENGGKEL PELAN STRATEGIK JPKN 2026-2030



### Bengkel Pelan Strategik JPKN 2026–2030

Bengkel Pelan Strategik Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) 2026–2030 telah berjaya diadakan selama tiga hari dua malam, dari 23 hingga 25 Jun 2025, di Kokol Haven Resort, Kota Kinabalu. Bengkel ini bertujuan merangka hala tuju strategik JPKN untuk tempoh lima tahun akan datang, sejajar dengan aspirasi transformasi perkhidmatan digital Kerajaan Negeri Sabah. Sesi bengkel yang berlangsung secara interaktif dan berstruktur meliputi pembentangan, perbincangan berkumpulan, dan pembentangan hasil kerja yang dipandu oleh fasilitator berpengalaman. Objektif utamanya adalah untuk menghasilkan draf awal Pelan Strategik JPKN 2026–2030, meningkatkan kefahaman peserta dalam perancangan strategi, mengenal pasti teras strategik dan inisiatif utama jabatan, serta memperkasa penyampaian perkhidmatan ICT agar lebih berimpak tinggi.



Fokus utama bengkel ini adalah perbincangan mendalam mengenai Pelan Strategik JPKN 2026–2030. Sesi-sesi yang dikendalikan oleh penceramah jemputan berkelayakan ini telah menghasilkan draf pelan berdasarkan enam teras strategik utama. Setiap teras dibincangkan dan diperhalusi bersama fasilitator dan peserta, lengkap dengan cadangan penambahbaikan yang komprehensif. Antara topik penting yang dibincangkan termasuk analisis persekitaran strategik (SWOT/PESTLE), penetapan visi, misi, dan nilai bersama jabatan, perincian pelan tindakan dan indikator kejayaan, penentuan teras strategik dan inisiatif utama, serta pelan pemantauan dan penilaian keberhasilan. Seramai 30 orang pegawai dari pelbagai bahagian JPKN telah menghadiri bengkel ini, menunjukkan komitmen tinggi terutamanya dalam aktiviti kerja berkumpulan, pembentangan draf, dan perbincangan kritikal.

**Hebahan Integriti**  
Siri 6 / 2025



## RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN DAN ELAKKAN PEMBOCORAN DOKUMEN / MAKLUMAT

Pegawai yang didapati membockan maklumat / dokumen terperingkat Kerajaan adalah disifatkan telah melanggar Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah Tahun 2008 [Bahagian V : Kelakuan Dan Tatatertib] Peraturan 208

### CONTOH MAKLUMAT YANG TIDAK BOLEH DIKONGSIKAN

#### RAHSIA RASMI KERAJAAN

- Perkara dalam jadual / luar jadual atau maklumat yang dikelaskan sebagai Rahsia Besar, rahsia, Sulit, atau Terhad

#### MAKLUMAT PERIBADI YANG BERSIFAT SENSITIF

- Buku Rekod Perkhidmatan
- Borang Permohonan
- Maklumat Pembayaran Cukai / Slip Gaji

#### BERNILAI

- Jumlah wang ringgit
- Maklumat / dokumen yang boleh dijual di pasaran gelap seperti Passport, Kad Pengenalan, Lesen Memandu dan lain-lain



**PEGAWAI AWAM  
DIINGATKAN  
UNTUK SENTIASA  
BERKHIDMAT  
DENGAN PENUH  
AMANAH**



**Hebahan Kesihatan**

SIRI 6/2025



**Menurunkan Tekanan Darah**

- Air ini kaya dengan kalsium dan magnesium yang dapat membantu dalam menurunkan tekanan darah anda.

## Khasiat Air Mineral

**Menyokong Kesihatan Jantung**

- Air jenis ini dapat membantu dalam merendahkan paras kolesterol jahat dan meningkatkan paras kolesterol baik.

**Menggalakkan Kesihatan Tulang**

- Kandungan bikarbonat, kalsium, dan magnesium yang terdapat dalam air ini mampu menjadi rangsangan tambahan kepada kesihatan tulang kita buat jangka panjang.

**Mengawal Peredaran Darah**

- Kalsium, magnesium dan kalium yang terdapat dalam air ini boleh menggalakkan peredaran darah yang betul.

**Meningkatkan Kesihatan Penghadaman**

- Peningkatan pengambilan magnesium mampu menarik air ke dalam usus. Ini dapat menggalakkan penghidratan yang lebih besar dan ia juga dapat menyokong pergerakan usus yang lebih teratur.

**Hebahan Psikologi**

SIRI 6/2025



## GASLIGHTING

Adalah bentuk manipulasi yang biasanya terjadi dalam hubungan yang tidak sihat. Bentuk manipulasi ini dilakukan oleh seseorang untuk terlihat berkuasa & dapat mengawal orang lain dengan membuat mangsanya tidak yakin dengan dirinya sendiri.

Ciri - ciri seseorang yang melakukan tindakan GASLIGHTING

- Kebohongan yang terlihat jujur
- Terus menyangkal mesti terbukti bersalah
- Sikap & Perbuatan tidak sesuai dengan kenyataan
- Sangat bijak "Play Victim"
- Meletakkan kesalahannya pada orang lain



## Majlis Pemantapan Ukhuwah Dan Semarak Kasih 2025

"Raya Kan Sebulan"

DEWAN SERBAGUNA TINGKAT 6  
JABATAN PERKHIDMATAN  
KOMPUTER NEGERI SABAH | 9:30 PAGI  
2:30 PETANG | 11 APRIL  
2025  
(JUMAAT)

Majlis Raya JPKN 2025 telah berlangsung dengan penuh kemeriahan pada Jumaat, 11 April 2025, bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 6, Blok A, Menara Kinabalu. Majlis ini diserikan dengan kehadiran SUT KSTI, rakan-rakan satu jabatan dan seagensi, serta warga Menara Kinabalu.



Pelbagai aktiviti menarik turut memeriahkan suasana, antaranya:

- 🎵 Teka Lagu Raya
- 👤 Wajah Siapakah Itu?
- 🎯 Boling Kertas
- 👗 Baju Raya Terbaik
- 🎤 Karaoke Raya

Majlis dimulakan dengan program Pemantapan Ukhuwah Khas Syawal yang bermula pada jam 9:00 pagi, anjuran bersama PERKIS-JPKN & KESITER. Program ini turut diselitkan dengan doa dan tazkirah ringkas bagi mendoakan kesejahteraan ahli keluarga dan staf yang telah kembali ke rahmatullah, sebagai tanda kasih dan kenangan sempena bulan mulia ini.



Majlis kemudiannya diteruskan dengan pelbagai aktiviti raya sehingga jam 3:30 petang. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir dan menjayakan sambutan ini. Semoga kemeriahan Syawal terus menyatukan kita dalam ukhuwah dan kegembiraan.





## BADMINTON RAYA CHALLENGE (MENGIKUT RUMAH SUKAN MASING-MASING)

DEWAN FOO CHOW | 9:30 PAGI | 26 APRIL 2025 (SABTU)  
2:00 PETANG



**KUMPULAN B**

**HEARTS VS DIAMONDS**

**KUMPULAN A**



**SPADES VS CLOVERS**



**KESITER VS DIAMONDS  
BONUS MATCH**



**SPADES VS DIAMONDS  
GOLD MATCH KUMPULAN A VS KUMPULAN B**



**CLOVERS VS HEARTS  
BRONZE MATCH KUMPULAN A VS KUMPULAN B**





Kelab Sukan dan Rekreasi Komputer - KESITER telah menghantar seramai 25 orang peserta daripada Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri untuk menyertai acara CHOCO RUSH 5KM FUN RUN bersempena dengan Malaysian International Cocoa Fair 2025 yang berlangsung pada 24 - 27 Mei 2025. Acara ini dianjurkan oleh Kelab Kebajikan Sukan & Rekreasi LKM dengan tema menarik iaitu "COKLAT"!



Peserta bukan sahaja berpeluang menikmati pengalaman berlari sambil dibayangi kelazatan coklat, malah turut menerima baju eksklusif bertemakan coklat tertumpah, pingat yang kelihatan seperti coklat sebenar, tali lanyard bercorak coklat, dan goodies bag yang turut mengandungi coklat.

Acara ini berlangsung pada 25 Mei 2025 bertempat di Sabah International Conference Centre (SICC) dan bermula jam 6:30 pagi.

Peserta juga berpeluang memenangi cabutan bertuah serta menikmati minuman percuma dari lori Milo yang dibawa khas! Selesai larian, para peserta boleh mengunjungi pameran coklat antarabangsa di SICC yang menampilkan pelbagai produk berasaskan koko.



**Dill With It – Pickleball For Beginners!**

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua peserta hebat yang telah memeriahkan program Dill With It: Pickleball For Beginners pada 17 Mei 2025 bertempat di Dewan Masyarakat Kota Kinabalu!

Suasana meriah, penuh gelak ketawa dan semangat kesukanan membuktikan bahawa Pickleball bukan sahaja menyeronokkan, malah sesuai untuk semua peringkat umur dan tahap kemahiran!

Setinggi-tinggi penghargaan kepada para jurulatih daripada Malaysia Pickleball Association yang telah sudi meluangkan masa dan tenaga untuk membimbing para peserta dengan sabar dan penuh semangat. Kehadiran anda benar-benar membawa impak besar kepada kejayaan program ini! Dedikasi anda amat kami hargai!

Program ini turut menerima sambutan hangat daripada ahli KESITER yang menikmati diskaun keahlian eksklusif – memang berbaloi!


Teruskan bersama kami dalam aktiviti akan datang dan rasai sendiri keseronokan bersukan dalam komuniti yang positif dan penuh energi!



**Maxis**



# Recharge & Connect **PICKLEBALL**



🎉 MAXIS Business Social Hour: Recharge & Reconnect 🎉

📅 26 June 2025 | ⌚ 6:00 petang - 9:00 malam

Team JPKN made it to the semi-finals!

We had a fantastic time participating in the Maxis Business Social Hour: Recharge & Reconnect. A great opportunity to network, engage, and enjoy some friendly competition with fellow agencies from both private and government sectors. Thank you, Maxis Business, for organizing such a meaningful and enjoyable event — looking forward to more in the future.



# CTRL + ALT + HIKE

📍 **BUKIT KOPUNGIT**


**KELAB SUKAN DAN REKREASI KOMPUTER**

Program mendaki "CTRL+ALT+HIKE" anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi Komputer - KESITER Berikut merupakan sorotan daripada aktiviti tersebut.

📅 Tarikh: 28 Jun 2025 (Sabtu)

📍 Lokasi: Bukit Kopungit (Laluan Jabatan Kereta Api Negeri Sabah, Aeropod Commercial Square )

🕒 Masa Berkumpul: 6.15 pagi





## ZIARAH SYAWAL PERKIS



Alhamdulillah, Wakil AJK PERKIS-JPKN berkesempatan menziarahi mantan Pengarah JPKN, Ybhg. Datuk Dr. Haji Minggu Haji Jumaan setelah mendapat perkhabaran bahawa beliau kurang sihat.

Ziarah santai sempena Syawal ini disulami doa dan ingatan tulus buat Datuk. Semoga dikurniakan kesihatan yang baik dan sentiasa dalam lindungannya.



## PROGRAM IBADAH QURBAH

Assalamualaikum W.B.T,

Berikut adalah kronologi bergambar bagi Program Qurban Jamaie yang telah berjaya dilaksanakan pada 8 Jun 2025 bertempat di HOME Tuaran.

Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini. Semoga segala usaha dan pengorbanan kita diterima sebagai amal soleh. 🌙






**KAJIAN MAKLUM BALAS  
 PERKHIDMATAN JPKN**

Imbas kod QR untuk maklum balas


  
[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my)
 JPKN\_sabah
 

 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



**PPAKSI**

Portal ini menyediakan beberapa jenis perkhidmatan utama iaitu:-

- Bantuan Sistem
- Permohonan Perkhidmatan
- Aduan dan Cadangan

Pengurusan permohonan yang dinyatakan adalah dibawah kawalan  
 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



  
 Scan Me


  
[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my)
 JPKN\_sabah
 

 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri



## **JABATAN PERKHIDMATAN KOMPUTER NEGERI**



**[WWW.JPKN.SABAH.GOV.MY](http://WWW.JPKN.SABAH.GOV.MY)**

**Jabatan Perkhidmatan Komputer  
Negeri, Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara  
Kinabalu,  
Jalan UMS, Teluk Likas, 88400,  
Kota Kinabalu, SABAH**



[jpkn.sabah.gov.my](http://jpkn.sabah.gov.my)



JPKN\_sabah



Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri